PENDAKWA RAYA

lwn.

ZEENEX (MALAYSIA) SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' SYED AHMAD IDID H
[PENYEMAKAN JENAYAH NO. 43-2-1995]
28 FEBRUARI 1995

PROSEDUR JENAYAH*: Pertuduhan di bawah s. 13 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 - Perbicaraan di Mahkamah Majistret - Bantahan awal - Samada Mahkamah Majistret mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini - Rujukkan kepada s. 50 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 - Samada hanya Mahkamah Sesyen yang boleh mendengar kes - Samada rujukkan boleh dibuat kepada Pekililing Ketua Pendaftar - Samada ia merupakan satu punca undang-undang.*

Orang kena saman (OKS) telah dituduh di bawah s. 13 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta tersebut) di Mahkamah Majistret. Peguam OKS telah menghujah bahawa kes ini perlu dipindah ke Mahkamah Sesyen atas alasan bahawa di bawah s. 50 Akta tersebut hanya Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes ini.

Pihak Pendakwa Raya telah memohon penyemakan keputusan Puan Majistret memindahkan kes ini ke Mahkamah Sesyen.

Diputuskan:

[1] Ia adalah diperuntukkan didalam s. 85 Akta Mahkamah Rendah 1948 bahawa "the First Class Magistrate shall have jurisdiction to try all offences", dan oleh kerana tuduhan di bawah s. 13 Akta tersebut cuma membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, maka OKS boleh dibicarakan di Mahkamah Majistret. Seksyen 50 Akta tersebut tidak "oust the jurisdiction" iaitu tidak langsung bawa perkara seperti ini keluar dari bidangkuasanya.

[2] Ia adalah tidak wajar bagi Puan Majistret memutuskan bahawa beliau tidak ada hak mendengar kes ini walhal undang-undang dan panduan dari Pekililing Ketua Pendaftar sudah dengan cukupnya menerangkan yang beliau ada bidangkuasa dan boleh dengar kes ini.

[Permohonan Pendakwa Raya dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk
Chan Siew Kim lwn. Woi Fung Sheng Tim Medical Store & Anor. [1978] 1 MLJ 144 ***(dirujuk)***
Quah Hong Lian Neo lwn. Seow Teong Teck & Ors. [1936] MLJ 161 ***(dirujuk)***
PP lwn. Chu Beow Hin [1982] 1 MLJ 135 ***(dirujuk)***
Ratnasamy lwn. Public Prosecutor [1948] MLJ 161 ***(dirujuk)***
Hume lwn. Somerton [1890] 25 QBD 239 ***(dirujuk)***
Abdullah bin A. Rahman lwn. Public Prosecutor [1994] SLR 129 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Racun Makhluk Perosak 1974, ss. 13, 50

Sumber lain yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England Vol. 37 4th. Edn., para 12
Magistrates' Court Handbook (Malayan Law Journal) ms. 7 & 8

Bagi pihak Pendakwa Raya - Asmabi bte Mohamed, TPP
Bagi pihak responden - Deepak Pillai; M/s. Paul Chong & Kraal

PENGHAKIMAN

Syed Ahmad Idid H:

Pada 3 Oktober 1994, orang kena saman (OKS) (atau responden pada hari ini) telah dituduh:

> Bahawa kamu pada 6 Julai 1994 lebihkurang pukul pagi di kilang Zeenex (M) Sdn. Bhd., 11.40 pagi beralamat di Lot 37674, Jalan 3/37A, Taman Bukit Maluri Industrial Area, Kepong dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati mengkilang racun makhluk perosak KARBOMATE 80 WP sebanyak 20 kotak (@ 1 kg/kotak yang mengandungi 73.1% berat/berat mancozeb yang salah jenama dan juga tidak mengikuti syarat-syarat yang tertakluk kepada mana ia didaftarkan. Dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 13(l)(a) dan 13(l)(c) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang boleh dihukum penjara 3 tahun atau denda RM10,000 di bawah s. 13(2) Akta yang sama jika sabit kesalahan.

di Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur.

Berikutan itu, Peguam OKS/responden Encik Michael Chow telah bangkitkan satu bantahan awal (preliminary objection) supaya kes ini ditukar ke Mahkamah Sesyen atas alasan bahawa s. 50 (Akta 149 Pesticides Act/Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (atau ARMP)) sebut:

> Walau apapun kandungan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, suatu Mahkamah Sesyen dalam Malaysia Barat atau suatu Mahkamah seorang Majistret kelas satu dalam Malaysia Timur hendaklah mempunyai bidangkuasa membicarakan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan dan mengenakan penalti sepenuh yang diperuntukkan baginya.

Hujah Pegawai Pendakwa di Mahkamah Majistret itu tidak dapat dilihat dari rekod. Walau bagaimanapun, apabila perkara ini diutarakan dalam Mahkamah Tinggi hari ini, maka Peguam Encik Deepak Pillai bagi pihak responden telah berhujah seperti berikut:

A. Bidang kuasa

Dua autoriti telah dikemukakan:

(i) *Chan Siew Kim lwn. Woi Fung Sheng Tim Medical Store & Anor* [1978] 1 MLJ 144 dan

(ii) *Quah Hong Lian Neo lwn. Seow Teong Teck* [1936] MLJ 161.

Encik Pillai pegang teguh kepada pendirian yang seksyen 50 adalah bidang kuasa khas sepenuhnya, iaitu dari segi keluasannya dan penggunaannya.

B. Dengan panjang lebar, Kaunsel bagi pihak responden membincang mengenai literal interpretation atau tafsiran harafiah dan contextual iaini oleh sebab "shall" telah digunakan dalam seksyen itu maka itu bermakna cuma Mahkamah Sesyen sahaja boleh mendengar kes bawah ARMP.

C. Beliau juga cuba menilai dari segi apa telah dihuraikan oleh Mahkamah terdahulu iaitu "*expression unius est exclusio alterius*" dan "*generalia specialibus non derogant*" dan rujuk kepada kes *PP lwn. Chu Beow Hin* [1982] 1 MLJ 135.

dan dari pihak pendakwa, Puan Asmabi bte Mohamad telah menghujah perkara-perkara berikut:

A. beliau mengemukakan satu perintah oleh Hakim Dato' (sekarang Tan Sri) Haji Mohd. Azmi dalam tahun 1979;

B. alasan yang telah dibekalkan dalam surat beliau bertarikh 26 Januari 1995 dikekalkan;

C. dan berucap tentang "jurisdiction" Mahkamah Majistret serta prinsip-prinsip untuk mengkuatkan permohonan pendakwa raya.

Kes *Ratnasamy lwn. Public Prosecutor* [1948] MLJ 161-163 dirujuk dan bersama itu pula disebut dalam Pekeliling Ketua Pendaftar (Malaysia) bertarikh 6 Februari 1980 (sila lihat [1980] MLJ lxviii). Perenggan 1 berbunyi:

> A. Attention of the Honourable the Chief Justice, Malaya, has been drawn to the fact that some Presidents and Magistrates are in doubt whether Magistrates' Courts have the jurisdiction to try offences under certain laws which have the following or similar provision:
>
> Notwithstanding the provisions of any written law to the contrary, a Sessions Court shall have jurisdiction to try any offence under this Act and to award the full punishment for any such offence.

Kita boleh banding dan kaji seksyen 50 yang berkenaan dalam penyemakan ini.

Perenggan 5 Pekeliling yang sama terus berbunyi:

> For practical purposes now, all laws with such provisions should be applied as follows:
>
> (i) Where the Magistrate has jurisdiction to try the offence and also powers to award the full punishment prescribed for the offence, then the case should be registered and tried in the Magistrates' Court.
>
> (ii) Where the Magistrate has jurisdiction to try the offence but does not have powers to award the full punishment prescribed for the offence then the prosecution may elect to either:
>
> (a) Prosecute the case in the Magistrates' Court and be content with the limited punishment;
>
> or
>
> (b) Prosecute the case in the Sessions Court so that the maximum penalty may be imposed.

Saya mengambil kira tentangan oleh pihak responden kepada penyerapan "circular" itu sebagai satu punca undang-undang. *Halsbury's Laws of England* Vol. 37 Fourth Edition para 12 dimana ada sebut "Practice directions provide a source of civil law, although strictly they do not have the force of law" *Hume lwn. Somerton* [1890] 25 QBD 239 dan untuk maksud hari ini, saya menerima "circular" tersebut sebagai "authoritative".

Saya merujuk kepada Magistrates' Court Handbook (Malayan Law Journal) mukasurat 7 dan 8 dimana tersebut:

> In practice it is important for Magistrates to note the difference between the limits of their jurisdiction, that is, the types of cases they can hear, and their powers of sentencing. In *Yap Sooi Kim v. PP* [1989] 1 MLJ 44, Annuar J held that the phrase 'punishable with imprisonment' means the power of punishment which the Court has under the law and not the punishment which the Court may choose to impose. The punishment which the court may decide to impose on the accused is one which the Court so determines and pronounces 'after taking into consideration the seriousness of the offence, the antecedent and mitigating factors present'. An example of this is s. 414 of the Penal Code which says the offence is punishable with imprisonment of not more than seven years: In this case, a first class Magistrate has jurisdiction to hear the case.

a However, in imposing a sentence under the section, a Magistrate cannot exceed his limit of five years' imprisonment or a fine of RM10,000. According to Mohamed Azmi J (as His Lordship then was) a 'sentence according to law' means the sentence must not only be within the ambit of the punishable section but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles *PP v. Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315.

Criminal Jurisdiction of First Class Magistrates' Courts

b (dari mukasurat 19 Magistrates' Courts' Handbook)

A first class Magistrate shall have jurisdiction to try all offences for which the maximum term of imprisonment provided by law does not exceed ten years imprisonment or which are punishable with a fine only and offences under, ss. 392 and 457 of the Penal Code. (Section 85, Subordinate Courts Act) (or SCA).

c In addition, a first class Magistrate may pass a sentence allowed by law not exceeding:

(a) whipping up to 12 strokes;

(b) any sentence combining any of the aforesaid sentences.

Petikan dari mukasurat 19 Magistrates' Court Handbook:

d Where by any law for the time being in force, jurisdiction is given to the Court of any Magistrate to award punishment for any offence in excess of the power prescribed by section 87 of the Subordinate Courts Act 1948, a first class Magistrate may award the full punishment authorized by that law.

Where by reason of any previous conviction or antecedents it appears that a punishment in excess of that prescribed by s. 87(1) of the Subordinate Courts Act 1948 should be awarded, the first class Magistrate may award the full punishment authorized by law for e the offence of which the person has been convicted and shall record his reasons for doing so. Section 87(2), Subordinate Courts Act.

Ada terdapat "the First Class Magistrate shall have jurisdiction to try all offences" dan oleh kerana tuduhan bawah seksyen 13 ARMP cuma membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun maka OKS boleh dibicarakan di Mahkamah Majistret. Seksyen 50 f tidak "oust the jurisdiction" iaitu tidak langsung bawa perkara seperti ini keluar dari bidangkuasanya.

It may be timely to distinguish "jurisdiction" "from power". The word "jurisdiction" is used in the sense to denote the types of'subject matter which the Court may deal with and in relation to what it may exercise its powers. It cannot exercise its powers in matters over which it has no jurisdiction. *Abdullah bin A. Rahman lwn. Public Prosecutor* [1994] g SLR 129. And I am of the opinion, having regard to the principles and the (SCA and ARMP) Acts, the Magistrates' Court has jurisdiction in this case.

Saya berpendapat bahawa tidak wajar bagi Puan Majistret memutuskan beliau tidak ada hak mendengar kes ini walhal undang-undang dan panduan dari pekeliling sudah mencukupi menerangkan yang beliau ada bidangkuasa dan boleh dengar kes ini. Justeru itu saya membenarkan permohonan Pendakwa Raya.

h

i